

Perasmian Bangunan Perpustakaan UMS

Bangunan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dirasmikan dengan jayanya oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia YB Dato' Dr. Hj. Shafie Hj. Mohd Salleh pada 1 Mac 2005.

Bangunan ini boleh menempatkan lebih kurang 4,000 pengguna pada satu-satu masa dan mempunyai koleksi sebanyak 200,000 buah buku dan jurnal bercetak di samping 35,000 bahan rujukan lain dalam bentuk multimedia dan elektronik. Antara koleksi terbaru dan sedang digunakan ialah Koleksi Nobel Laureate dan Koleksi PERDANA.

Dalam ucapan perasmiannya, YB Dato' Dr. Hj. Shafie berkata beliau sangat gembira kerana bersesuaian dengan perkembangan dan kemajuan IT dan ICT masa kini, perpustakaan UMS sedang merancang untuk mewujudkan koleksi perpustakaan yang bersifat "maya" (*virtual library system*) yang berkonsepkan '*e-library*' dan '*digital library*'.

YB Dato' Dr. Hj. Shafie juga menyatakan kebanggaannya dengan beberapa kejayaan lain perpustakaan UMS, di antaranya Johan Anugerah Kualiti bagi Kategori Pengurusan Teknologi Maklumat, peringkat Sabah pada tahun 1999; Johan (2003) dan Naib Johan (2004) Anugerah Kualiti bagi Kategori Laman Web Terbaik peringkat UMS.

Perpustakaan UMS juga telah mendapat Persijilan MS ISO 9001: 2000 pada tahun 2003 daripada SIRIM dan menjadi perpustakaan pertama di Malaysia yang mempunyai Koleksi Khas Nobel Laureate.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh, Naib Canselor pertama, Tan Sri Prof. Dr Abu Hassan Othman, Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof. Dr. Mohd Zahedi Daud, Ketua Pustakawan, Puan Che Salmah Mehamood, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor UMS.



Dato' Dr. Hj. Shafie (kiri) sedang berucap sebelum merasmikan bangunan Perpustakaan UMS.



Dato' Dr. Hj. Shafie (kiri) sedang merasmikan bangunan Perpustakaan UMS.